

11 JAN 2002

Abdullah-Keadilan/I

AZMIN AKAN TERIMA AKIBATNYA JIKA DEDAH DOKUMEN RAHSIA RASMI, KATA TPM

KUALA LUMPUR, 11 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan naib presiden Keadilan Azmin Mohamed Ali bahawa beliau mungkin akan terima akibatnya jika mendedahkan kandungan dokumen yang dilindungi di bawah Akta Rahsia Rasmi.

Abdullah, yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata kerajaan akan mengawasi sama ada kempen Keadilan ketika menjelangnya pilihan raya kecil 19 Jan bagi kerusi Indera Kayangan di Perlis melanggar peruntukan di bawah Akta itu.

Semalam, Azmin memberitahu sidang media di Indera Kayangan bahawa beliau akan mendedahkan semasa kempen itu, kandungan satu daripada enam kotak yang kononnya dokumen rahsia untuk menyokong dakwaan parti itu mengenai penyelewengan oleh para pemimpin kerajaan.

"Saya pasti beliau sedar akan akibat mendedahkan dokumen rahsia. Kita akan tunggu dan lihat apa yang beliau akan lakukan," kata Abdullah kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka Aidilfitri Puteri Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali merupakan tetamu kehormat pada majlis itu. Pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional dan beberapa menteri turut menghadiri majlis itu.

"Saya tidak tahu apa yang beliau (Azmin) akan lakukan jadi saya tidak mahu ramalkan atau kata sesuatu...kita akan lihat apa yang beliau akan lakukan...kita tahu apa tindakan perlu diambil (jika rahsia rasmi didedahkan)," kata Abdullah.

Berikutan hari penamaan calon diadakan di Kangar semalam, terdapat tempoh sembilan hari bagi berkempen untuk pilihan raya kecil itu.

Kerusi Indera Kayangan kosong berikutan kematian wakil rakyat Barisan Nasional (BN) Datuk Khor Lian Tee dari MCA pada 19 Dis.

Pilihan raya kecil itu akan menyaksikan pertandingan satu lawan satu antara calon BN Ooi Ah Lan dan pencabarnya dari Keadilan Khoo Yang Chong.

Ooi adalah bekas gurubesar dan kini merupakan Ketua Wanita MCA Perlis, manakala Khoo, adalah ketua Persatuan Buddha tempatan dan bekas guru.

-- BERNAMA

SR AZZ RYN RHM